

# Pupuk kesedaran autisme

► Alumni FPEP, UMS dan SAS jalin kerjasama

**U**NIVERSITI Malaysia Sabah (UMS) dan Persatuan Autisme Sabah (SAS) telah menandatangani surat niat (LoI) bertujuan menjalin kerjasama dalam aktiviti kebajikan, khususnya ke arah peningkatan kesedaran mengenai autisme dalam kalangan masyarakat di Sabah.

Dekan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP) Profesor Madya Dr Raman Noordin berkata, inisiatif murni yang dilakukan oleh alumni FPEP dan SAS sangat bermakna serta tepat pada masanya.

“Selari dengan teras penubuhan Persatuan Alumni FPEP iaitu

menyediakan saluran bagi graduan UMS kembali ke kampus untuk memberikan sumbangan kepada masyarakat, hubungan yang terjalin bersama SAS akan memudahkan mereka menyumbang tenaga, kepakaran mahupun sumbangan dana, khususnya dalam menyokong aktiviti yang dianjurkan bersama SAS,” katanya.

Pada majlis memeterai LoI itu, UMS diwakili Raman manakala SAS diwakili Pengerusi Jennifer Balanting.

Turut diumumkan pada majlis itu adalah penganjuran program larian amal bertemakan ‘UMS Sunset Autism Run’ yang akan diadakan pada 27 Oktober 2018 di Kampus

Induk UMS.

Menurut Jennifer, selain tujuan penajaan, program larian itu juga akan melibatkan beberapa aktiviti lain untuk mempromosi

kesedaran mengenai autisme, jualan makanan oleh pengusaha trak makanan dan pelbagai lagi. “Saya berharap agar usaha sama antara FPEP,

“Saya berharap agar usaha sama antara FPEP, UMS dan SAS dalam penganjuran larian amal ini bukan hanya mendapat kesedaran orang ramai mengenai autisme di Sabah tetapi merupakan titik permulaan kepada institusi pendidikan, agensi kerajaan dan NGO untuk tampil bersama serta memandang serius dalam membantu golongan ini supaya tidak terkecuali daripada peluang untuk mereka menikmati kehidupan yang normal seperti orang lain.”

**JENNIFER BALANTING**

Pengerusi Persatuan Autisme Sabah (SAS)



**RAMAN (duduk, kiri) dan Jennifer (duduk, kanan) semasa menandatangani LoI itu, sambil diperhatikan yang lain.**

UMS dan SAS dalam penganjuran larian amal ini bukan hanya mendapat kesedaran orang ramai mengenai autisme di Sabah tetapi merupakan titik permulaan kepada institusi pendidikan, agensi kerajaan dan NGO untuk tampil bersama serta memandang

serius dalam membantu golongan ini supaya tidak terkecuali daripada peluang untuk mereka menikmati kehidupan yang normal seperti orang lain,” katanya. SAS merupakan sebuah NGO yang ditubuhkan pada tahun 2018 bermisikn kerjasama erat di antara

ahli dan pemegang taruh dalam meningkatkan kualiti hidup individu autisme serta ahli keluarga menerusi program, perkhidmatan, sumber, pengetahuan dan inovasi sosial di samping mempromosikan hak dan peluang golongan berkenaan.